

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
SURAT PERTUDUHAN  
TINDAKAN TATATERTIB HAL-EHWAL PELAJAR  
BIL. 5 TAHUN 2015

Tarikh: 15 Jun 2015

[REDACTED]  
[REDACTED]  
[REDACTED]  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Pihak yang kena dakwa**

---

Kamu adalah dengan ini dikehendaki hadir di hadapan pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia pada **29 Jun 2015 (Isnin) jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Gerakan HEPA, Bangunan PUSANIKA UKM** untuk menjawab suatu dakwaan terhadap kamu.

Butir-butir mengenai dakwaan terhadap kamu dinyatakan dalam pernyataan yang dicatatkan di muka surat 2.

**NOTIS ADALAH DIBERI BAHAWA SEKIRANYA KAMU TIDAK HADIR ATAU TIDAK MENGEMUKAKAN APA-APA REPRESENTASI BERTULIS DALAM TEMPOH EMPAT BELAS HARI DARI TARIKH SURAT INI, MAKA KAMU DENGAN SERTA-MERTA DIGANTUNG DARIPADA MENJADI PELAJAR UNIVERSITI INI DAN TIDAK BOLEH SELEPAS ITU BERADA DI DALAM ATAU MEMASUKI KAMPUS ; PENGGANTUNGAN INI HENDAKLAH BERTERUSAN SEHINGGA KAMU MENAWAR UNTUK HADIR DI HADAPAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB (KAEDAH 50 KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999).**

  
ABDUL AZIZ ABU BAKAR  
Timbalan Pengarah  
Hal-ehwal Pelajar dan Alumni

---

#UKM13

## DAKWAAN

Bahawa kamu [REDACTED] No. Pendaftaran Pelajar [REDACTED] dan No. Kad Pengenalan [REDACTED]

- a) Pada 25 Mac 2015 jam 9.00 malam di Perkarangan Lobi Bangunan Fizik Gunaan, Fakulti Sains dan Teknologi UKM telah mengadakan 'FORUM KEBAJIKAN: Masalah Air dan Wifi Sampai Bila?' yang dianjurkan oleh MATA; dan
- b) Pada 27 Mac 2015, lebih kurang jam 2.30 petang bertempat di Perkarangan Bangunan Canselori mengadakan Perhimpunan Tanpa Kebenaran dengan membuat demonstrasi menuntut bekalan air bersih serta menyerahkan memorandum kepada YB. Ong Kian Ming, Ahli Parlimen Serdang.

Dengan fakta kes seperti di atas kamu telah melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang di bawah peruntukan bahagian II Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 Kaedah 9:

### Menganjurkan perhimpunan

9. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor, mengadakan, menganjurkan, atau memanggil, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau dalam apa-apa cara, terlibat dalam pengadaaan, penganjuran atau pemanggilan, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau, dalam apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan, atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang lebih daripada lima orang dalam mana-mana bahagian Kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Universiti atau yang digunakan bagi maksud Universiti.

(2) Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkannya perlu atau sesuai.

(3) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang berlanggaran dengan subkaedah (1) atau (2).

Jika disabit dengan kesalahan itu, kamu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan boleh dihukum di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.

Maklumat

### Seksyen 16 B Akta Universiti & Kolej Universiti Pindaan 2009.

(3B) Seseorang Pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

[UKM]

(3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.

(3D) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau mana Jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan ini.

(4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau mana Jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan di bawah subseksyen (3D) boleh dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah Subseksyen (5).

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa sekiranya **Seksyen 16B(3B)** ingin digunakan, kamu dikehendaki memaklumkan nama wakil seorang pekerja atau pelajar lain di Universiti yang akan mewakili kamu **sebelum tarikh 29 Jun 2015** kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.